

19 JUN 2003

UMNO: DR MAHATHIR DOAKAN SULAIMAN NINAM SHAH CEPAT SEMBUH

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendoakan agar Pengerusi Tetap Umno Tun Sulaiman Ninam Shah, yang uzur akibat penyakit leukimia, cepat sembuh.

Sambil melahirkan rasa sedih dengan ketidakhadiran Sulaiman, Perdana Menteri berkata perhimpunan kali ini "agak berlainan" kerana Pengerusi Tetap parti tidak dapat hadir.

Sulaiman, 84, yang menjawat jawatan itu selama 28 tahun, tidak pernah gagal menghadiri perhimpunan parti.

Dr Mahathir berkata demikian semasa memulakan ucapan dasarnya yang bertemakan "Ancaman Masa Depan".

Tanggungjawab sebagai pengerusi tetap parti pada perhimpunan kali ini dipikul oleh Timbalan Pengerusi Tetap Datuk Seri Onn Ismail dan dibantu oleh Datuk Muhamad Abdullah dari Pahang.

Perhimpunan agung tahunan ke-54 Umno kali ini juga "agak berlainan" kerana ini merupakan kali terakhir yang akan dihadiri Dr Mahathir sebagai presiden parti.

-- BERNAMA

HS KHY ROS